



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “KASIH SEJATI, CINTA HAKIKI”.

13 FEBRUARI 2015M / 23 RABI'UL AKHIR 1436H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٧﴾

(al-Baqarah : 207)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah SWT yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya :** *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“KASIH SEJATI, CINTA HAKIKI”**

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Islam sebagai agama fitrah dan sempurna, sentiasa menganjurkan kasih sayang sesama umatnya dan kasih sayang tersebut perlulah disemai dan dibajai setiap hari tanpa perlu menunggu detik satu hari dalam setahun. Menzahirkan kasih sayang kepada kekasih perlulah ada batasan selaras dengan fitrah manusia. Ingatlah bahawa kasih sayang yang utama adalah hanya kepada Allah SWT, rasul-Nya dan berjihad di jalan-Nya. Kasih sayang berlandaskan keimanan akan melahirkan cahaya keinsafan kepada hakikat diri dan pencipta-Nya hingga sanggup berkorban dan mampu menundukkan hawa nafsu jahat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 207:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ أُبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ

**Maksudnya :** *“Dan antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredhaan Allah semata-mata, dan Allah pula amat belas kasihan akan hamba-Nya.”*

Hamba yang kasih kepada Allah SWT dengan perasaan yang tulus ikhlas pasti akan melindungi dirinya, keluarga dan masyarakat sekeliling daripada sebarang bentuk kemungkaran yang boleh membawa kepada kemurkaan Allah SWT. Sesungguhnya menjadi tanggungjawab seseorang individu itu untuk memelihara aqidah, akhlak dan keperibadian diri yang baik sebagai bukti menjadi hamba yang kasih dan ta'at kepada perintah Allah dan Rasul-Nya.

Syeikh Habib Umar Bin Hafidz dalam mensifatkan perasaan kasih dan sayang berkata :

أَمَلِيْ قَلْبِكَ بِمَحَبَّةِ إِخْوَانِكَ يَنْجِبِرُ نُقْصَانُكَ وَيَرْتَفِعُ عِنْدَ اللَّهِ شَأْنُكَ

**Maksudnya:** “Penuhilah hatimu dengan kecintaan terhadap saudaramu nescaya akan menyempurnakan kekuranganmu dan mengangkat darjatmu di sisi Allah”.

Persoalannya, adakah kita sebagai individu muslim telah benar-benar menghayati dan mengenali hakikat cinta kepada Allah SWT? Sedarlah, hanya melalui penghayatan rasa cinta yang benar, setiap individu muslim pasti dapat mengelakkan diri daripada terus terjerumus ke dalam pelbagai kancah aktiviti maksiat. Hati nurani yang bersih pasti menginginkan kehidupan yang berlandaskan kepada tuntutan agama dan syariat.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Kasih sayang antara dua jantina berbeza tidak boleh hanya dengan janji manis di bibir sahaja. Tetapi perlu diikat atas nama perkahwinan dengan satu ikatan akad yang kukuh bersandarkan syariat bagi menjamin zuriat, akhlak dan peribadi. Melalui perkawinan, terhasil sebuah institusi yang dinamakan keluarga. Dalam aspek kekeluargaan pula, ibu bapa merupakan pihak yang bertanggungjawab memberi pendedahan awal mengenai perasaan kasih dan sayang. Menyemai perasaan cinta kepada agama dalam sanubari anak-anak sejak dari usia awal mereka. Sheikh Yusuf al-Qaradawi dalam risalahnya ***Qimah al-Insan wa Ghayah Wujudihi fi al-Islam*** berkata:

“Wujud tiga perkara utama yang perlu ditekankan di dalam pembentukan diri dan jiwa anak-anak, iaitu pemantapan iman serta ibadah, ilmu dan pengukuhan nilai akhlak mulia. Hal ini kerana tujuan manusia hidup adalah untuk beribadat, membangunkan bumi Tuhan dengan sebaik-baiknya dan menjadi khalifah Tuhan di bumi ini. Keluarga yang mendambakan kasih dan rahmat Allah SWT pastinya merupakan sebuah keluarga yang rabbani. Bahkan, peranan kedua-dua orang tua lah untuk mencorakkan kehidupan anak-anak supaya tidak tersungkur ke dalam lembah neraka Allah SWT.”

Hal ini bertepatan sebagaimana firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ

(at-Tahrim : 6) لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

**Yang bermaksud:** *“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarnya manusia dan berhal. Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

Ibu bapa mempunyai nilai yang tinggi pada pandangan agama dan masyarakat. Fungsi ibu bapa di dalam membentuk dan mencorak anak-anak sukar dicari ganti. Melalui mereka, anak-anak dapat mengenali perasaan kasih sayang, perkara hak dan batil dalam nilai-nilai kehidupan.

Allah SWT telah memerintahkan supaya berterima kasih dan mendahulukan ibu bapa serta meletakkan mereka pada tempat yang pertama selepas ibadah kepada Tuhan, atas pengorbanan mereka yang tidak berbelah bagi.

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Demi merasai kewujudan cinta dan kasih hakiki, marilah kita bersama-sama mengasihi dan mencontohi peribadi Rasulullah SAW, untuk kita menikmati dan merasai rahmat Allah SWT. Sayyiduna Anas telah meriwayatkan sebuah hadis :

مَنْ أَحَبَّنِي كَانَ مَعِي فِي الْجَنَّةِ

**Maksudnya:** “Sesiapa mencintaiku dia pasti bersamaku di dalam syurga.”

Sirah Nabawiyah turut membuktikan bahawa kelahiran Baginda telah membawa perasaan kasih dan sayang yang begitu mendalam dalam jiwa penduduk kota Makkah. Bahkan, ketika Baginda masih kecil dan belum diangkat menjadi Rasul, Baginda telah berjaya memupuk perasaan cinta yang luhur di dalam jiwa seluruh penduduk kota Makkah. Tatkala dilantik menjadi pesuruh Allah SWT pula, Baginda telah membawa ke dalam diri manusia mengenali hakikat kehambaan yang memantapkan kekuatan iman dan taqwa, dan salah satu ciri manusia yang merasai kemanisan iman adalah mereka yang cinta akan Allah dan Rasul-Nya, serta berasa takut kepada azab neraka.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Umum mengetahui, fenomena kasih dan cinta begitu lazim sekali dengan bulan Februari. Hal ini kerana pada 14 Februari telah diisytiharkan oleh dunia sebagai hari sambutan '*Valentine Day*' yang lazimnya disambut oleh masyarakat barat. Menganggap kononnya tarikh dan hari tersebut sebagai hari untuk memperingati kekasih, adalah salah satu dakyah dan usaha pihak tertentu untuk memesongkan aqidah umat Islam, khususnya para remaja.

Menurut **Ken Sweiger**, perkataan "*Valentine*" yang berasal daripada bahasa Latin membawa maksud "**Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuat, dan Yang Maha Kuasa**". Perkataan ini sebenarnya telah digunakan pada zaman Rom Kuno untuk ditujukan kepada **Nimrod** dan **Lupercus**, iaitu tuhan orang Romawi. Secara sedar atau tidak kita telah melakukan suatu perbuatan yang bercanggah dengan aqidah umat Islam dan dimurkai Allah SWT apabila meraikan hari tersebut dengan mengucapkannya kepada pasangan kita. Perbuatan ini seolah-olah satu usaha menghidupkan semula budaya pemujaan berhala pada zaman jahiliyyah.

Malahan, menurut Panel Kajian Aqidah dan Panel Kajian Syari'ah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) amalan ini adalah haram dan jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Begitu juga Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-71 yang bersidang pada 22 hingga 24 November 2005 memutuskan bahawa amalan merayakan Hari Valentine tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam. Oleh itu, khatib ingin menasihatkan

seluruh umat Islam khususnya golongan belia supaya tidak terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti maksiat dan tidak berfaedah yang dianjurkan bertujuan memperingati '*Valentine Day*'. Peliharalah kesucian serta maruah demi agama, bangsa dan negara. Pihak kerajaan melalui institusi agama di seluruh Negeri Sembilan begitu komited menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan dan pemantauan demi mencegah sebarang aktiviti yang terpesong daripada landasan Islam.

### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Mimbar ingin menegaskan bahawa perasaan kasih dan cinta yang hadir di dalam diri manusia sepatutnya dipelihara berlandaskan dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi panduan umat manusia untuk mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapatlah disimpulkan bahawa hakikat kasih dan cinta sejati itu adalah:

1. Individu perlu menyedari hakikat cinta hakiki hanyalah kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Umat Islam perlu berusaha mengejar sifat kasih dan sayang tersebut berbanding meraih kasih duniawi.
2. Institusi agama, pusat pengajian dan sebagainya perlu komited dalam memainkan peranan memupuk ilmu pengetahuan dan mencegah sebarang aktiviti yang tidak berfaedah dalam kalangan masyarakat kini.



3. Pemimpin masyarakat dan komuniti juga perlu memainkan peranan daripada pelbagai sudut demi memastikan seluruh masyarakat Islam di kawasan mereka menanam perasaan cinta dan kasih kepada Allah dengan melaksanakan suruhan dan menjauhi larangan-Nya.
4. Sambutan hari 'Valentine' dilarang sama sekali kerana perbuatan tersebut jelas bercanggah dengan aqidah serta akan meruntuhkan nilai-nilai akhlak umat Islam yang suci.

Justeru, marilah kita menyuburkan perasaan kasih sejati, cinta hakiki dengan mengikuti sunnah Baginda SAW dan sentiasa berusaha mencari keredhaan Allah SWT.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

(Ali-Imran : 31)

**Yang bermaksud:** *Katakanlah (wahai Muhammad); "jika kamu benar-benar mengasihi Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu, dan (ingatlah) Allah Amat Pengampun, Lagi Amat Mengasihani."*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلِكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.